



**JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT*	GRED, KATEGORI & PENGKhususan / KELAS	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya	No. Tender : JLN/SH/02/ 2026 Cadangan Menaik Taraf Pagar Sempadan Di Zon Rekreasi Keluarga Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur	TERBUKA *T1 (KHAS BUMIPUTERA) Dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan	I. Berdaftar dengan CIDB - Gred G3 (Berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja) Kategori CE CE 21 - Pembinaan Kejuruteraan Awam dan II. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK). dan III. Sijil Taraf Bumiputra (STB).	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya Tarikh Dokumen Dijual: 26 JANUARI 2026 (ISNIN) Hingga 30 JANUARI 2026 (JUMAAT)	RM 100.00 (Tidak akan dikembalikan) Akauntan Negara Malaysia-KPKT-T	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya Tarikh Tutup Tender: 09 FEBRUARI 2026 (ISNIN) Waktu: 12.00 tengahari

TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Taklimat sebutharga dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua penyebutharga. Kontraktor digalakkan untuk hadir lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri bagi membantu kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran Sebut Harga. Penyebutharga yang menyertai taklimat Sebut Harga dan lawatan tapak akan dibenarkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.

Tarikh Taklimat Sebut Harga pada:

26 JANUARI 2026 (ISNIN) jam 10.30 pagi di Bangunan Informasi di Zon Rekreasi Keluarga Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

PERINGATAN : Hanya Penama di dalam Sijil yang dibenarkan hadir dan Sila kemukakan bersama **SALINAN SIJIL ASAL** Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra. Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.

Penyebutharga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Sebut Harga ini sekiranya Penyebutharga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana Petender yang mengemukakan surat “Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan” atau surat “Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah” yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**

SILA BAWA COP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN/PEMBELIAN DOKUMEN

1. Bayaran hendaklah dibuat tanpa tunai semasa pembelian dokumen sebut harga. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai, cek, draf bank, kiriman wang atau pos tidak akan terima.
2. Dokumen sebut harga boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam **Arahan Kepada Petender**.
3. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 09 FEBRUARI 2026 (ISNIN)** Tender No. **JLN/SH/02/2026** dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
4. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat www.jln.gov.my dan web rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my.